MALAYAN BANKING BHD

lwn.

LEK MENG PALLET INDUSTRIES SDN BHD & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR
UMI KALTHUM ABDUL MAJID H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-82-2009]
11 JANUARI 2013

KETERANGAN: *Inferens bertentangan - Kegagalan memanggil saksi - Kemungkiran pinjaman bank - Bank gagal memanggil dua orang bekas pengurus - Sama ada saksi penting kepada kes - Sama ada anggapan bertentangan berbangkit*

KONTRAK: *Kemungkiran - Perjanjian pinjaman bank - Penamatan kemudahan pinjaman - Kemungkiran pembayaran balik - Sama ada bank berhak menarik balik pinjaman - Sama ada bank berhak melikuidasikan simpanan-simpanan tetap yang dicagar - Sama ada jumlah simpanan tetap yang dilikuidasi dipertikaikan - Sama ada peminjam membuktikan "manifest error" atau fraud pada Certificate of Amount Owing - Sama ada peminjam boleh menuntut balas terhadap bank bagi kemungkiran kontrak dan fitnah kerana peminjam disenaraihitamkan*

PERBANKAN: *Bank dan perniagaan perbankan - Perjanjian pinjaman - Kemungkiran pembayaran balik - Sama ada bank berhak menarik balik pinjaman - Sama ada bank berhak melikuidasikan simpanan-simpanan tetap yang dicagar - Sama ada jumlah simpanan tetap yang dilikuidasi dipertikaikan - Sama ada peminjam membuktikan "manifest error" atau fraud pada "Certificate of Amount Owing" - Sama ada peminjam boleh menuntut balas terhadap bank bagi kemungkiran kontrak dan fitnah kerana peminjam disenaraihitamkan*

Plaintif telah memberi beberapa pinjaman bank kepada defendan (1) atas jaminan oleh defendan (2) dan (3), pengarah-pengarah defendan (1). Pinjaman-pinjaman tersebut juga dicagarkan atas simpanan tetap sebanyak RM150,000 melalui Memorandum of Deposit dan letter of set-off. Defendan (1) telah gagal membuat bayaran faedah dan juga gagal membuat bayaran apabila matang untuk membuat bayaran. Maka, plaintif telah melikuidasikan simpanan-simpanan tetap yang dicagar kepada plaintif. Plaintif telah kemudiannya memfailkan tindakan bagi menuntut baki tunggakan

pinjaman-pinjaman tersebut. Defendan-defendan pula telah menuntut balas terhadap plaintif untuk ganti rugi kemungkiran kontrak, ganti rugi untuk fitnah dan ganti rugi keterlaluan. Plaintif menafikan memecah kontrak, antaranya dengan defendan-defendan, mahupun memfitnah defendan-defendan apabila plaintif mengkategorikan pinjaman-pinjaman defendan (1) sebagai "non-performing", memanggil-balik dan/atau menamatkan kontrak pinjaman-pinjaman dan defendan (1) disenaraihitamkan. Adalah kes defendan (1) bahawa ia tidak melakukan sebarang keingkaran atau kemungkiran. Sebaliknya, kemungkiran atau keingkaran itu dikatakan adalah di pihak plaintif kerana plaintif tidak membenarkan dan menahan penggunaan sewajarnya kemudahan-kemudahan pinjaman itu oleh defendan (1). Isu-isu yang timbul untuk dibicarakan adalah: (i) sama ada plaintif berhak melikuidasikan simpanan tetap yang dicagar oleh defendan (2) dan defendan (3) kepada plaintif sebagai sekuriti untuk membayar tunggakan pinjaman-pinjaman yang diberi kepada defendan (1); (ii) sama ada defendan (2) dan defendan (3) berhak mempertikaikan jumlah simpanan tetap yang dilikuidasi untuk membayar tunggakan pinjaman-pinjaman defendan (1); (iii) sama ada plaintif berhak untuk menarik balik pinjaman-pinjaman yang diberi kepada defendan (1); (iv) sama ada tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan dibuktikan; (v) sama ada tuntutan balas defendan-defendan terhadap plaintif untuk kemungkiran kontrak dibuktikan; (vi) sama ada tuntutan balas defendan-defendan untuk ganti rugi am dan ganti rugi khas dan ganti rugi "keterlaluan" dibuktikan; dan (vii) sama ada defendan-defendan berhak menuntut faedah atas ganti rugi yang dituntut.

Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif dan menolak tuntutan balas defendan-defendan dengan kos):

(1) Terma-terma Memorandum of Deposit dan letter of set-off tersebut memberi kuasa dan hak kepada plaintif untuk melikuidasikan simpanan-simpanan tetap yang telah dicagarkan kepada plaintif oleh defendan (2) dan (3) untuk pembayaran balik pinjaman-pinjaman yang telah diambil oleh defendan (1) di bawah Bankers Acceptance yang bertunggakan dan tidak dibayar oleh defendan (1). (perenggan 13)

(2) Berdasarkan Memorandum of Deposit dan letter of set-off, defendan-defendan dihalang daripada mempertikaikan jumlah dari simpanan tetap yang telah dilikuidasikan untuk membayar jumlah tunggakan pinjaman-pinjaman defendan (1). Plaintif berhak melikuidasikan simpanan-simpanan tetap itu apabila defendan (1) gagal membayar balik pinjaman-pinjamannya. (perenggan 15)

(3) Jelas bahawa di bawah kl. 4 "General Terms and Conditions", plaintif berhak untuk menarik balik dan membatalkan pinjaman-pinjaman yang diberi kepada defendan (1) tanpa memberi alasan dan notis kepada defendan (1). Plaintif telah, melalui notis tuntutan memberi notis kepada defendan (1) untuk menuntut balik tunggakan bayaran hutang defendan (1) itu. (perenggan 20)

(4) Plaintif telah berjaya membuktikan kesnya terhadap defendan-defendan atas tahap pembuktian imbangan kebarangkalian. Defendan-defendan telah gagal mengemukakan bukti dan/atau mencabar kandungan "Certificate of Amount Owing" itu sebagai mempunyai "manifest error" dan/atau ada fraud. Dengan itu, "Certificate" tersebut adalah muktamad dan terpakai bagi defendan (1), (2) dan (3). Defendan (2) dan (3) sebagai penjamin-penjamin adalah terikat dengan "Certificate of Amount Owing" itu *(Citibank NA v. Ooi Boon Leong*; dirujuk). (perenggan 28)

(5) Defendan-defendan telah gagal membuktikan tuntutan balas mereka terhadap plaintif untuk kemungkiran kontrak/perjanjian pinjaman dan surat-surat gerenti itu. Berkenaan hujahan defendan-defendan bahawa reputasi defendan (1) telah terjejas di kalangan pelanggan defendan (1), defendan-defendan gagal membuktikan bahawa plaintiflah yang menerbit nama defendan (1) kepada C-Tos atau plaintiflah yang telah melaporkan defendan (1) kepada Bank Negara. (perenggan 30)

(6) Hujahan defendan-defendan tentang kegagalan plaintif memanggil dua orang bekas pengurusnya untuk memberi keterangan dan oleh itu seharusnya mahkamah menggunakan peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap plaintif ditolak kerana peranan yang dimainkan oleh mereka tidak memberi makna yang penting kepada kes plaintif terhadap defendan-defendan. (perenggan 40)

Kes-kes yang dirujuk:

Allied Bank (Malaysia) Sdn Bhd v. Yau Jiok Hua [2006] 3 CLJ 27 CA ***(dirujuk)***

Bank Bumiputra Malaysia Bhd v. SAL Enterprise Sdn Bhd [2005] 4 CLJ 277 CA ***(dirujuk)***

Cempaka Finance Bhd v. Ho Lai Ying & Anor [2006] 3 CLJ 544 FC ***(dirujuk)***

Citibank NA v. Ooi Boon Leong [1980] 1 LNS 168 FC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Bankers' Books (Evidence) Act 1949, s. 3

Evidence Act 1950, ss. 73A, 90A, 114(g)

Bagi pihak plaintif - Quek Cheng Chui; T/n Junaida Afuan & Quek
Bagi pihak defendan - Ramesh KS Vasan; T/n Ramesh Vasan & Co

Dilaporkan oleh Amutha Suppayah

PENGHAKIMAN

Umi Kalthum Abdul Majid H:

Tuntutan

[1] Plaintif telah menuntut terhadap defendan-defendan jumlah-jumlah berikut:

1.1. wang sebanyak RM808,164.53 (pinjaman Trade Facilities Akaun I sebanyak RM386,861.22 dan pinjaman Trade Facilities Akaun II sebanyak RM421,303.31) setakat 28 Februari 2009;

1.2. faedah ke atas jumlah RM808,164.53 pada kadar 2.0% setahun atas kadar pinjaman asas plaintif (di mana kadar pinjaman asas setakat 28 Februari 2009 adalah 5.55% setahun) atas dasar harian mulai dari 1 Mac 2009 sehingga ke tarikh penyelesaian sepenuhnya; dan

1.3. kos.

Tuntutan Balas

[2] Defendan-defendan telah menuntut balas terhadap plaintif untuk:

2.1. ganti rugi pemecahan/kemungkiran kontrak sebanyak RM500,000;

2.2. ganti rugi sebanyak RM1.5 juta untuk fitnah;

2.3. ganti rugi keterlaluan (aggravated damage) berjumlah RM1 juta;

2.4. faedah daripada 25 April 2007 pada kadar 8% setahun sehingga tarikh penghakiman;

2.5. faedah atas jumlah penghakiman (termasuk kos) pada kadar 8% setahun dari tarikh penghakiman hingga penyelesaian sepenuhnya; dan

2.6. kos.

Fakta

[3] Plaintif telah memberi beberapa pinjaman bank kepada defendan (1). Secara ringkasnya pinjaman-pinjaman itu adalah seperti berikut:

3.1. pinjaman pada tahun 2002

- melalui surat tawaran pinjaman bertarikh 26 Mac 2002 (ms. 1-13, B);
- pinjaman overdraf I sebanyak RM100,000 yang dikurangkan RM5,000 setahun;
- pinjaman Trade Facilities I sebanyak RM300,000;
- pinjaman-pinjaman tersebut atas jaminan oleh defendan (2) dan (3) melalui surat gerenti bertarikh 12 April 2002 (ms. 14-23, B);
- pinjaman-pinjaman tersebut juga dicagarkan atas simpanan tetap sebanyak RM150,000 melalui Memorandum of Deposit bertarikh 12 April 2002 (ms. 24-27, B) dan letter of set-off bertarikh 12 April 2002 (ms. 28-29, B);

3.2. pinjaman pada tahun 2004

- melalui surat tawaran pinjaman bertarikh 5 Januari 2004 (ms. 30-44, B);
- pinjaman overdraf II sebanyak RM105,000;
- pinjaman Trade Facilities II sebanyak RM500,000;

A – pinjaman-pinjaman tersebut kemudiannya disempurnakan melalui suatu perjanjian pinjaman bertarikh 5 Mei 2004 (ms. 45-81, B);

– pinjaman-pinjaman tersebut dijamin oleh defendan (2) dan (3) melalui surat gerenti bertarikh 5 Mei 2004 (ms. 82-92, B);

– pinjaman-pinjaman tersebut juga dicagarkan atas tambahan simpanan tetap sebanyak RM100,000 melalui Memorandum of Deposit bertarikh 5 Mei 2004 (ms. 93-96, B) dan letter of set-off bertarikh 5 Mei 2004 (ms. 97-98, B);

3.3. pinjaman pada tahun 2005

– melalui surat tawaran pinjaman bertarikh 21 Mac 2005 (ms. 99-117, B);

– pinjaman tambahan Trade Facilities I sebanyak RM500,000;

– pinjaman tambahan tersebut dijamin oleh defendan (2) dan (3) melalui surat gerenti bertarikh 27 April 2005 (ms. 118-129, B);

– pinjaman tambahan tersebut dicagar atas tambahan simpanan tetap sebanyak RM150,000 dan atas tambahan simpanan tetap sebanyak RM25,000 setiap enam bulan melalui Memorandum of Deposit bertarikh 27 April 2005 (ms. 130-134, B) dan letter of set-off bertarikh 27 April 2005 (ms. 135-137, B).

[4] Defendan (2) dan (3) merupakan pengarah-pengarah defendan (1) serta penjamin-penjamin defendan (1) untuk pinjaman-pinjaman itu. Defendan (1) telah gagal membuat bayaran faedah untuk pinjaman-pinjaman overdraf dan juga gagal membuat bayaran untuk pinjaman-pinjaman trade facilities apabila matang untuk membuat bayaran.

[5] Plaintif telah pada 21 Jun 2007 dan 25 Jun 2007 melikuidasikan simpanan-simpanan tetap yang dicagar kepada plaintif sebagai sekuriti untuk pembayaran balik pinjaman overdraf dan pinjaman trade facilities defendan (1) setakat 31 Julai 2007 yang masih bertunggakan wang sebanyak RM340,121.16 untuk Akaun I (501039134778) dan bertunggak wang sebanyak RM370,425 untuk Akaun II (501039147840).

[6] Plaintif telah berusaha untuk berbincang dengan defendan (1) tentang cadangan pembayaran balik pinjaman-pinjaman tersebut, namun defendan (1) masih gagal membuat bayaran balik kepada plaintif. Maka plaintif telah, melalui notis tuntutan yang dikeluarkan oleh peguamcaranya bertarikh 23 Februari 2009, menuntut daripada defendan-defendan jumlah yang terhutang sebanyak RM803,241.65 setakat 31 Januari 2009 (ms. 29-31, C). Plaintif telah juga, melalui notis tuntutan bertarikh 23 Februari 2009 yang dikeluarkan oleh peguamcaranya, menuntut daripada defendan (2) dan (3) selaku penjamin wang sebanyak RM803,241.65 setakat 31 Januari 2009 (ms. 33-35; 38-40, C). Memandangkan defendan-defendan masih gagal membuat bayaran kepada plaintif, plaintif telah memfailkan tindakan ini terhadap defendan-defendan.

[7] Di samping yang sama plaintif menafikan memecah kontrak di antaranya dengan defendan-defendan mahupun memfitnah defendan-defendan apabila plaintif telah mengkategorikan pinjaman-pinjaman defendan (1) sebagai "non-performing", memanggil-balik dan/atau menamatkan kontrak pinjaman-pinjaman dan defendan (1) disenaraihitamkan.

[8] Adalah kes defendan (1) bahawa ia tidak melakukan sebarang keingkaran atau kemungkiran. Sebaliknya kemungkiran atau keingkaran itu adalah di pihak plaintif kerana plaintif tidak membenarkan dan menahan penggunaan sewajarnya kemudahan-kemudahan pinjaman-pinjaman itu oleh defendan (1) sebagaimana dibutirkan di perenggan 12 hingga 28, pernyataan pembelaan defendan-defendan (ms. 23-27, A). Seterusnya defendan-defendan telah menuntut balas ganti rugi terhadap plaintif atas pecah kontrak serta fitnah.

Isu-isu Untuk Dibicarakan

[9] Pihak-pihak telah bersetuju dengan tujuh isu untuk dibicarakan seperti berikut:

9.1. sama ada plaintif berhak untuk melikuidasikan simpanan tetap yang dicagar oleh defendan (2) dan defendan (3) kepada plaintif sebagai sekuriti untuk membayar tunggakan pinjaman-pinjaman yang diberi kepada defendan (1);

A 9.2. sama ada defendan (2) dan defendan (3) berhak mempertikaikan jumlah-jumlah simpanan tetap yang dilikuidasi untuk membayar tunggakan pinjaman-pinjaman defendan (1);

9.3. sama ada plaintif berhak untuk menarik balik pinjaman-
B pinjaman yang diberi kepada defendan (1);

9.4. sama ada tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan diwujudkan ("established") dan/atau dibuktikan;

9.5. sama ada tuntutan balas oleh defendan-defendan terhadap
C plaintif untuk kemungkiran kontrak dibuktikan;

9.6. sama ada tuntutan balas oleh defendan-defendan untuk ganti rugi am dan ganti rugi khas dan ganti rugi "keterlaluan" dibuktikan;

D 9.7. sama ada defendan-defendan berhak menuntut faedah atas ganti rugi yang dituntut.

Isu Pertama: Sama Ada Plaintif Berhak Untuk Melikuidasikan Simpanan Tetap Yang Dicagarkan Oleh
E **Defendan (2) Dan (3) Kepada Plaintif Sebagai Sekuriti Untuk Membayar Tunggakan Pinjaman-pinjaman Yang Diberi Kepada Defendan (1)**

[10] Bagi menjawab isu ini, rujukan hendaklah dirujuk kepada:

F 10.1. memorandum of deposit bertarikh 12 April 2002 (ms. 24-27, B);

10.2. letter of set-off bertarikh 12 April 2002 (ms. 28-29, B);

G 10.3. memorandum of deposit bertarikh 5 Mei 2004 (ms. 93-96, B);

10.4. letter of set-off bertarikh 5 Mei 2004 (ms. 97-98, B);

10.5. memorandum of deposit bertarikh 27 April 2005 (ms. 130-
H 134, B);

10.6. letter of set-off bertarikh 27 April 2005 (ms. 135-137, B).

I

[11] Di bawah kl. 4, ketiga-tiga memorandum of deposit tersebut, yang memperuntukkan bahawa: A

> 4. You shall be entitled without prior notice or demand forthwith to set-off and transfer all or any part of the Deposit and apply the same in or towards satisfaction of the Secured Amounts when they actually become due and payable whatever may be the currency of the Secured Amounts and for that purpose (without prejudice to the generality of the foregoing) to effect such combination or consolidation of accounts as you think fit. If any of the Secured Amounts are in a currency or currencies other than the currency in which the Deposit is denominated you shall be entitled to apply the Deposit or part thereof in purchasing the currency or currencies of the Secured Amounts at your rate for the purchase with the currency of the Deposit. B C

kuasa telah diberi kepada plaintif untuk melikuidasikan simpanan-simpanan tetap yang telah dicagarkan kepada plaintif oleh defendan (2) dan (3) tanpa notis untuk membayar terhadap pinjaman-pinjaman defendan (1) yang bertunggakan. D

[12] Begitu juga di bawah kl. 7, ketiga-tiga letter of set-off tersebut, yang memperuntukkan bahawa: E

> 7. You shall be entitiled to uplift or liquidate any fixed deposit and/or other deposit, prior to its/their maturity or due dates for payments and shall not be liable in respect of any loss which we may suffer as a result of such unlifting or liquidation. F

kuasa telah diberi kepada plaintif untuk melikuidasikan simpanan-simpanan tetap tersebut.

[13] Oleh yang demikian saya bersetuju dengan hujahan plaintif bahawa terma-terma memorandum of deposit dan letter of set-off tersebut memberi kuasa dan hak kepada plaintif untuk melikuidasikan simpanan-simpanan tetap yang telah dicagarkan kepada plaintif oleh defendan (2) dan (3) untuk pembayaran balik pinjaman-pinjaman yang telah diambil oleh defendan (1) di bawah Bankers Acceptance yang bertunggakan dan tidak dibayar oleh defendan (1) walaupun diminta berbuat demikian. G H I

Isu Kedua: Sama Ada Defendan (2) Dan Defendan (3) Berhak Mempertikaikan Jumlah-jumlah Simpanan Tetap Yang Dilikuidasi Untuk Membayar Tunggakan Pinjaman-pinjaman Defendan (1)

[14] Bagi menjawab isu ini, rujukan hendaklah dibuat kepada kl. 5, ketiga-tiga memorandum of deposit tersebut yang memperuntukkan bahawa:

> 5. I also agree that a certificate signed by any of your officers as to the moneys or liabilities for the time being due or owing or incurred to you from the Borrower shall save and except for any manifest error be accepted by me as conclusive evidence that the amount thereby appearing is due or owing to you as aforesaid.

dan kl. 2, ketiga-tiga letter of set-off tersebut yang memperuntukkan bahawa:

> 2. I/we agree that a certificate signed by a any or your officers as to the liabilities of the Borrowers shall, save and except for any manifest error, be accepted by me/us as conclusive evidence of such liabilities.

[15] Berdasarkan klausa-klausa tersebut, saya bersetuju dengan hujahan plaintif bahawa defendan-defendan dihalang daripada mempertikaikan jumlah-jumlah simpanan-simpanan tetap yang telah dilikuidasikan untuk membayar jumlah-jumlah tunggakan pinjaman-pinjaman defendan (1) itu sebagaimana yang terkandung di surat plaintif bertarikh 29 Ogos 2007 di ms. 20, C, dan menerusi keterangan SP2. Amaun-amaun yang telah dilikuidasikan pada 25 Jun 2007 ialah RM243,288.93 bagi akaun FDR No. 201039-226399, dan RM342,299.74 bagi akaun FDR No. 201039-243012.

[16] Namun defendan-defendan telah berhujah bahawa terdapat "manifest error" pada Certificate of Amount Owing di ms. 2, D, memandangkan, apabila surat plaintif bertarikh 29 Ogos 2007 di ms. 20, C, dirujuk, dan keterangan SP2 dan di Q & A 13, P2, diambil kira, jumlah berikut dalam simpanan tetap telah dilikuidasikan pada 25 Jun 2007, iaitu:

16.1. RM243,288.93

16.2. RM342,299.74

16.3. RM266,444.55

16.4. RM135,117.09

Jumlah RM987,150.31

Selanjutnya dihujahkan oleh defendan, mengikut SP2 di Q & A 8, P2, jumlah hutang defendan (1) adalah RM600,000 dan RM437,000 setakat 5 Jun 2007. Maka ini bermakna jumlah simpanan tetap yang telah digunakan sebagai set-off itu telah memberi jumlah amaun tertunggak sebanyak RM49,849.70, iaitu dan sebagaimana yang saya faham hujahan defendan, dikira seperti berikut:

Hutang defendan (1) RM600,000 + RM437,000 (setakat 5 Jun 2007)	–	RM 1,037,000
Tolak jumlah Simpanan Tetap yang dilikuidasikan (pada 25 Jun 2007)	–	RM987,150.31
Baki hutang	–	RM 49,849.69

[17] Setelah saya menelitikan dokumen-dokumen yang berkenaan serta hujahan defendan-defendan, saya berpendapat pihak defendan-defendan telah membuat perkiraannya itu tanpa mengambil kira Certificate of Amount Owing itu telah membuat perkiraan hutang defendan (1) setakat 28 Februari 2009, di mana pihak defendan-defendan telah tidak membuat apa-apa bayaran balik pinjaman yang tertunggak itu selama tempoh dari 25 Jun 2007 hingga 28 Februari 2009. Oleh yang demikian saya berpendapat adalah silap defendan-defendan untuk mengatakan terdapatnya "manifest error" pada Certificate of Amount Owing.

[18] Selain itu, dan berdasarkan keterangan SP2 serta keterangan dokumentari di ms. 20, 23, Ikatan C, saya bersetuju dengan hujahan peguamcara plaintif yang bijaksana bahawa dakwaan defendan-defendan mengenai "manifest error" adalah tidak berasas. Ini ialah oleh kerana:

18.1. jumlah-jumlah simpanan tetap yang dilikuidasikan telah digunakan untuk membayar akaun Trade Facilities I dan akaun Trade Facilities II, pinjaman overdraf I dan pinjaman overdraf II (lihat surat di ms. 20, C);

18.2. kandungan surat di ms. 20, C, itu disokong dengan keterangan SP2 di Q & A 13, 14, P2, di mana SP2 telah menyatakan sejumlah RM243,288,93 daripada simpanan

tetap yang telah dilikuidasikan pada 25 Jun 2007 telah digunakan untuk menjelaskan kesemua tunggakan dalam akaun overdraf I; sejumlah RM342,299.74 daripada simpanan tetap yang telah dilikuidasikan pada 21 Jun 2007 dan 25 Jun 2007 digunakan untuk menjelaskan kesemua tunggakan dalam akaun overdraf II; sejumlah RM266,444.55 simpanan tetap yang dilikuidasikan telah digunakan untuk membayar akaun Trade Facilities I; dan sejumlah RM135,117.09 simpanan tetap yang dilikuidasikan telah digunakan untuk membayar akaun Trade Facilities II;

18.3. berkenaan dengan akaun Trade Facilities I, rujukan hendaklah dibuat kepada ms. 2, H, di mana jelas ia menunjukkan perkara-perkara seperti berikut:

No. Akaun 501039-134778

Tarikh	**Jumlah RM**
5 Jun 2007	600,000.00
30 Jun 2007 (tambah faedah RM3,739.73)	603,739.73
6 Julai 2007 (tolak Simpanan Tetap dilikuidasikan RM266,444.55)	337,295.18
31 Julai 2007 (tambah faedah RM2,825.98)	340,121.16;

18.4. berkenaan dengan Akaun Trade Facilities II, rujukan hendaklah dibuat kepada ms. 12, H, di mana jelas ia menunjukkan perkara-perkara seperti berikut:

No. Akaun 501039-134778

Tarikh	**Jumlah RM**
5 Jun 2007	437,000.00
30 Jun 2007 (tambah faedah RM2,723.77)	439,723.77
6 Julai 2007 (tolak Simpanan Tetap dilikuidasikan RM135,117.09)	304,606.68

24 Julai 2007 (tambah BA yang matang RM63,000)	367,606.68
31 Julai 2007 (tambah faedah RM2,818.32)	370,425.00;

18.5. surat plaintif di ms. 20, C itu telah pun memaklumkan kepada defendan (1) tunggakan hutangnya setakat 31 Julai 2007;

18.6. Defendan-defendan tidak membuat apa-apa bantahan apabila plaintif telah melikuidasikan simpanan-simpanan tetap yang dicagar kepada plaintif untuk pembayaran balik pinjaman-pinjaman yang diberi kepada defendan (1) sebagaimana dinyatakan oleh SP3, Q & A 18, P3;

18.7. Plaintif berhak melikuidasikan simpanan-simpanan tetap itu apabila defendan (1) gagal membayar balik pinjaman-pinjamannya.

[19] Oleh yang demikian, saya tidak mendapati apa-apa "manifest error" dalam perkiraan tunggakan hutang defendan (1) itu dan Certificate of Amount Owing tidak terjejas.

Isu Ketiga: Sama Ada Plaintif Berhak Untuk Menarik Balik Pinjaman-pinjaman Yang Diberi Kepada Defendan (1)

[20] Bagi menjawab isu ini, rujukan hendaklah dibuat kepada:

20.1. surat tawaran pinjaman bertarikh 26 Mac 2002 (ms. 1-13, B);

20.2. surat tawaran pinjaman bertarikh 5 Januari 2004 (ms. 30-44, B);

20.3. surat tawaran pinjaman bertarikh 21 Mac 2005 (ms. 99-117, B).

Khususnya kepada kl. 4, General Terms and Conditions, yang memperuntukkan seperti berikut:

4. Cancellation And Demand

Notwithstanding any other provisions herein stated relating to the availability of the facility(s) or any part thereof, the Bank reserves the right to recall or cancel the facility(s) or any part thereof, at any time it deems fit without assigning any reason thereto by

A giving written notice of the same, whereupon the facility(s) or such part thereof shall be cancelled and the whole indebtedness or such part thereof shall be repayable upon demand.

Jelaslah di bawah kl. 4 tersebut, plaintif adalah berhak untuk menarik balik dan membatal pinjaman-pinjaman yang diberi kepada B defendan (1) tanpa memberi alasan dan dengan memberi notis kepada defendan (1).

[21] Plaintif telah, melalui notis tuntutan bertarikh 23 Februari 2009 kepada defendan (1) (ms. 29-31, C), memberi notis kepada C defendan (1) untuk menuntut balik tunggakan bayaran hutang defendan (1) itu. Bukti pengeposan notis tuntutan tersebut terdapat di ms. 32, C.

[22] Peruntukan seakan sama juga didapati di kl. 11.5, Variation, D Review, Cancellation And Demands, perjanjian pinjaman bertarikh 5 Mei 2004, di ms. 57, B, di mana diperuntukkan bahawa:

11.5 Cancellation and Demands

Notwithstanding any other provisions of this Agreement relating E to the availability of the Facility or any parts of them, the Lender shall be entitled, at its sole and absolute discretion without assigning any reason therefor, to:

(a) cancel any Facility; and/or

F (b) demand repayment of any Indebtedness,in each case by the Lender giving to the Borrower written notice of the cancellation or demand, whereupon the Facility shall be cancelled and the Indebtedness shall be repayable forthwith upon demand.

G **[23]** Berdasarkan perkara-perkara tersebut di atas, saya dapati plaintif berhak untuk menarik balik pinjaman-pinjaman yang diberi kepada defendan (1) di mana surat notis tuntutan itu merupakan notis kepada defendan (1) tentang penarikan balik pinjaman-pinjaman itu. Tempoh penarikan balik adalah ditetapkan sebagai H tujuh hari daripada tarikh surat notis tuntutan itu sekiranya hutang tertunggak itu tidak dibayar balik (lihat *Bank Bumiputra Malaysia Berhad v. SAL Enterprise Sdn Bhd* [2005] 4 CLJ 277, ms. 280, MR).

I

[24] Di samping ini, defendan-defendan telah membangkitkan isu bahawa tiada notis keingkaran telah dikeluarkan oleh plaintif terhadap defendan (1). Defendan-defendan telah merujuk kepada keterangan SP2, Q & A 8 dan 9, P2, di mana SP2 telah menyatakan bahawa defendan (1) telah mula ingkar membuat bayaran untuk pinjaman Trade Facilities I untuk Bankers Acceptances yang bertunggakan RM600,000 setakat 5 Jun 2007 dan untuk pinjaman Trade Facilities II untuk Bankers Acceptance yang bertunggakan RM437,000 setakat 5 Jun 2007 dan akaun-akaun pinjaman-pinjaman defendan (1) telah diklasifikasikan sebagai Non Performing Loan ("NPL") pada 5 Jun 2007. Keterangan SP2 dibanding dengan keterangan SP1, di mana SP1 menyatakan beliau tidak tahu bilakah defendan (1) telah mengingkari membuat bayaran dan telah bersetuju dengan cadangan peguamcara defendan-defendan yang bijaksana bahawa defendan (1) telah tidak melakukan apa-apa keingkaran pada Jun 2007. Oleh itu defendan-defendan berhujah tidak ada bukti bilakah sebenarnya defendan (1) mula ingkar membuat bayaran, dan bahawa tarikh akaun defendan (1) menjadi NPL tidak boleh dianggap sebagai tarikh mula defendan (1) mengingkari bayaran. Dengan itu defendan-defendan berhujah bahawa tiada notis keingkaran telah diberi kepada defendan (1).

[25] Di sini saya bersetuju dengan hujahan peguamcara plaintif yang bijaksana bahawa tiada undang-undang sedia yang memerlukan bank mengeluarkan notis serta merta apabila suatu akaun menjadi NPL. Lagi pun, bagi saya, apabila plaintif telah mengeluarkan surat bertarikh 29 Ogos 2007 di ms. 20, C, kepada defendan (1), ia sebenarnya merupakan suatu notis kepada defendan (1) bahawa defendan (1) telah gagal membuat bayaran balik hutang mengikut jadual memandangkan surat ini jelas menyatakan:

> Failure to settle the overdue Trade instrument since April 2007 for both account had lead to classification of account as Non-Performing Loan in June 2007.
>
> This had prompt us to uplift the FDR pledge as security ...

Oleh itu saya menolak hujahan-hujahan defendan-defendan bahawa tiada keingkaran telah berlaku pada Jun 2007. Di samping yang sama saya anggap keterangan SP1 sebagai keterangan seorang pegawai plaintif yang sebenarnya tidak tahu tentang latar belakang

akaun defendan (1) itu dan oleh itu sebahagian keterangannya tidak boleh diterima oleh saya. Malah SP1 telah menyatakan (ms. 15, nota keterangan) beliau hanya mengetahui akaun-akaun defendan (1) bermasalah dan tidak tahu bila ianya diingkari. Saya lebih menerima keterangan SP2 tentang kedudukan akaun-akaun defendan (1), di mana ianya disokong oleh keterangan dokumentari yang saya telah rujuk sebelum ini.

[26] Selain daripada notis tuntutan kepada defendan (1), plaintif telah juga mengeluarkan notis tuntutan bertarikh 23 Februari 2009 terhadap defendan (2) (ms. 33-35, C) dan terhadap defendan (3) (ms. 38-40, C).

[27] Saya bersetuju dengan hujahan peguamcara plaintif yang bijaksana bahawa plaintif boleh mengeluarkan notis tuntutan kepada defendan-defendan, walaupun ingkar berbayar berlaku pada 5 Jun 2007, asalkan ianya dikeluarkan sebelum writ saman difailkan (lihat *Allied Bank (Malaysia) Sdn Bhd v. Yau Jiok Hua* [2006] 3 CLJ 27, MR).

Isu Keempat: Sama Ada Tuntutan Plaintif Terhadap Defendan-defendan Diwujudkan Dan/Atau Dibuktikan

[28] Saya mendapati plaintif telah berjaya membuktikan kesnya terhadap defendan-defendan atas tahap pembuktian imbangan kebarangkalian berdasarkan:

28.1. keterangan SP1, SP2 yang telah kemukakan penyata-penyata akaun berkomputer yang menunjukkan jumlah-jumlah hutang oleh defendan (1), iaitu Trade Facilities I dan II dengan mengemukakan sijil untuk cetak komputer yang mengesahkan hutang-hutang tersebut menurut s. 73A dan s. 90A Akta Keterangan 1950 (ms. 1-2, D);

28.2. penyata-penyata akaun secara "manual" yang dikemukakan oleh SP2 (ms. 1-2, 11-12, H) mengikut s. 3 Akta Buku Jurubank (Keterangan) 1949;

28.3. SP3, yang merupakan pengurus plaintif, telah memberi keterangan dengan mengemukakan suatu Certificate of Amount Owing (ms. 2, D) yang mengesahkan jumlah-jumlah pinjaman-pinjaman yang bertunggakan sebagaimana diperuntukkan di bawah terma kontrak pinjaman-pinjaman serta surat-surat gerenti. Lihat juga ke *Cempaka Finance Bhd v. Ho Lai Ying & Anor* [2006] 3 CLJ 544; [2006] 2 MLJ 685 (MP);

28.4. defendan-defendan telah gagal mengemukakan bukti dan/atau mencabar kandungan Certificate of Amount Owing itu sebagai mempunyai "manifest error" dan atau ada fraud. Dengan itu Certificate tersebut adalah muktamad dan terpakai bagi defendan (1), (2) dan (3);

28.5 Defendan (2) dan (3) sebagai penjamin-penjamin adalah terikat dengan Certificate of Amount Owing itu berdasarkan autoriti *Citibank NA v. Ooi Boon Leong* [1980] 1 LNS 168; [1981] 1 MLJ 282, MP.

Isu Kelima: Sama Ada Tuntutan Balas Defendan-defendan Terhadap Plaintif Untuk Kemungkiran Kontrak Dibuktikan

Isu Keenam: Sama Ada Tuntutan Balas Defendan-defendan Untuk Ganti Rugi Am Dan Ganti Rugi Khas, Dan Ganti Rugi "Keterlaluan" Dibuktikan

Isu Ketujuh: Sama Ada Defendan-defendan Berhak Menuntut Faedah Atas Ganti Rugi Yang Dituntut

[29] Ketiga-tiga isu ini melibatkan tuntutan balas defendan-defendan terhadap plaintif, dan akan dipertimbangkan bersekali.

[30] Sebagaimana saya telah sebelum ini membutirkan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh plaintif terhadap defendan-defendan mengikut peruntukan kontrak/perjanjian pinjaman-pinjaman itu serta surat-surat gerenti itu, di mana saya telah mendapati bahawa plaintif telah berjaya membuktikan kesnya terhadap defendan-defendan, maka dengan itu juga saya dapati defendan-defendan telah gagal membuktikan tuntutan balas mereka terhadap plaintif untuk kemungkiran kontrak/perjanjian pinjaman dan surat-surat gerenti itu.

[31] Saya dapati, melalui keterangan-keterangan saksi defendan-defendan SD1, tuntutan balas defendan-defendan melibatkan pada asasnya aduan-aduan mereka terhadap tindakan pengurus plaintif di Cawangan Batu Pahat, Johor, iaitu Encik Lim Peng Tong dan Encik Ismail Ephan, dan telah cuba mengaitkan peranan yang dimainkan oleh kedua-dua orang pengurus plaintif ini dengan yang didakwa permohonan pinjaman-pinjaman oleh defendan (1) daripada United Overseas Bank (Malaysia) Bhd ('UOB'). Adalah didakwa oleh defendan-defendan bahawa plaintif telah menghalang

atau menyekat defendan (1) dari menggunakan pinjaman yang telah menyebabkan defendan (1) mengalami kerugian. Tujuan defendan (1) menggunakan pinjaman-pinjaman yang diberi oleh UOB kepadanya ialah untuk membeli sebidang hartanah pada sekitar tahun 2006 bagi membina sebuah kilang yang berfungsi sebagai "kiln drying" untuk mengeringkan dan mengasapkan kayu-kayu. Dengan adanya kilang ini defendan (1) berhasrat dapat menjimatkan kos pembelian bahan mentah dan servis caj dan dengan itu dapat menambahkan keuntungannya. Namun hasrat defendan (1) untuk mendirikan kilang tersebut tidak kesampaian kerana modal kerja defendan (1) telah disekat oleh plaintif (Q & A 4, D1(B)) di bawah pinjaman-pinjaman dengan plaintif.

[32] Saya bersetuju dengan hujahan plaintif bahawa defendan-defendan telah datang ke mahkamah dengan tangan yang tercemar apabila defendan (1) sendiri telah memohon dan memperolehi pinjaman daripada UOB tanpa persetujuan plaintif pada mulanya. Perbuatan defendan (1) ini terbukti dengan wujudnya surat tawaran pinjaman bertarikh 23 September 2005 oleh UOB kepada defendan (1) untuk sebanyak RM3,050,000 di ms. 1-20, F, yang telah diakui diterima oleh defendan (1) dan ditandatangani oleh defendan (2) dan defendan (3). Akan tetapi telah pun diperuntukkan di bawah kl. 14.2 (ms. 63, 64, B) perjanjian pinjaman bertarikh 5 Mei 2004 seperti berikut:

> 14.2 Negative Undertakings
>
> The Borrower hereby further covenants and undertakes that from the date of this Agreement, it will not without the prior written consent of the Lender first had and obtained:
>
> (a) Negative Pledge
>
> create or permit to exist over all or any part of its business or assets any Security Interest (other than any permitted under clause 14.1(a)(i), (ii) and (iii) above;
>
> (b) ...
>
> (c) ...
>
> (d) ...
>
> (e) Incur Liability
>
> incur, assume, guarantee or permit to exist or guarantee any indebtedness for borrowed moneys other than:

(i) the Indebtedness;

(ii) any debt or guarantee which has been disclosed by the Borrower to the Lender prior to the date of this Agreement; and

(iii) short term debts incurred or obtained in the ordinary course of business on commercial terms and on the basis of arm's length transaction;

For the purpose of this paragraph, a short-term debt is deemed to be any debt payable on demand or maturity by its terms within twelve (12) months after the date on which it was originally incurred; ...

[33] Semasa pemeriksaan balas, SD1 telah mengakui bahawa defendan (1) telah memohon kelulusan plaintif untuk membuat pinjaman dengan UOB melalui surat defendan (1) bertarikh 31 Oktober 2005 (E, ms. 1) selepas pinjaman UOB telah diberi kepadanya pada 23 September 2005 (ms. 27, Nota Keterangan). Ini bermakna bukan plaintif yang telah memecah kontrak pinjaman itu tetapi defendanlah yang telah melakukan pecah kontrak itu pada mulanya.

[34] Tindakan plaintif untuk memanggil balik pinjaman-pinjaman itu adalah berdasarkan haknya berbuat demikian di bawah kl. 4, surat-surat tawaran pinjaman bertarikh 26 Mac 2002, 5 Januari 2004 dan 21 Mac 2005 dan kl. 11.5 perjanjian pinjaman bertarikh 5 Mei 2004 (ms. 45-81, B) yang telah dirujuk sebelum ini.

[35] Oleh yang demikian saya mendapati tuntutan balas defendan-defendan adalah tidak berasas sama sekali dan saya menolaknya dengan kos RM15,000.

[36] Di samping ini, saya bersetuju dengan hujahan plaintif bahawa hasrat defendan (1) untuk membeli hartanah itu dengan menggunakan pinjaman daripada UOB adalah tidak relevan dengan perkara ini dan tiada kaitan dengan plaintif. Saya juga bersetuju dengan hujahan plaintif bahawa tiada bukti plaintif telah sekat modal kerja defendan (1) kerana pihak defendan (1) telah menggunakan sepenuhnya pinjaman-pinjaman yang diberi.

[37] Bagi saya, apa-apa tindakan yang telah diambil oleh UOB terhadap defendan (1) seperti memotong pinjaman defendan (1) dengannya adalah tiada kaitan dengan pinjaman-pinjaman yang diberi oleh plaintif kepada defendan (1) malah dengan merujuk

surat UOB kepada defendan (1) bertarikh 12 Ogos 2009 (ms. 49, G) SD1/defendan (3) sendiri telah mengakui bahawa defendan (1) telah gagal membayar balik pinjaman UOB.

[38] Saya juga menolak hujahan defendan-defendan bahawa permohonan defendan (1) kepada Public Bank Bhd untuk pinjaman telah ditolak kerana defendan (1) telah disenaraihitam akibat plaintif telah menyenaraikan defendan (1) sebagai NPL, sebagai yang tidak bermunasabah dan "remote"/jauh.

[39] Berkenaan hujahan defendan-defendan bahawa reputasi defendan (1) telah terjejas di kalangan pelanggan defendan (1) kerana penerbitan dalam C-Tos dan Bank Negara serta disenaraihitam memberi gambaran kepada pelanggan-pelanggan defendan (1) bahawa defendan (1) tiada wang mencukupi untuk menjalankan perniagaan, saya bersetuju dengan hujahan plaintif bahawa defendan-defendan telah gagal mengemukakan bukti yang menunjukkan plaintiflah yang menerbit nama defendan (1) kepada C-Tos mahupun plaintiflah yang telah melaporkan defendan (1) kepada Bank Negara. Dengan itu dakwaan defendan-defendan ini adalah tidak berasas sama sekali.

[40] Saya menolak hujahan defendan-defendan tentang kegagalan plaintif memanggil dua orang bekas pengurusnya untuk memberi keterangan seharusnya mahkamah menggunakan peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap plaintif kerana peranan yang dimainkan oleh mereka itu tidak memberi makna yang penting kepada kes plaintif terhadap defendan-defendan.

[41] Memandangkan bahawa saya telah menolak tuntutan balas defendan (2) dengan kos, tidaklah perlu saya meneruskan dengan isu ganti rugi-ganti rugi yang dipohon oleh defendan-defendan selain daripada menyatakan bahawa dari segi isu itu juga defendan-defendan telah gagal membuktikannya dengan kukuh.

Kesimpulan

[42] Berdasarkan alasan-alasan saya di atas, saya:

42.1. membenarkan tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan dengan kos RM15,000; dan

42.2. menolak tuntutan balas defendan-defendan terhadap plaintif dengan kos RM15,000.